

# —PM sedih ahli jadikan Umno kuda tunggangan

BM 12 MAY 1985

ALOR STAR, Sabtu —  
Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyesali sikap ahli-ahli Umno yang menganggap parti itu sebagai 'kuda tunggangan' untuk mendapatkan jawatan dan kedudukan dalam parti dan kerajaan.

Katanya ramai ahli-ahli Umno hari ini sudah lupa mengenai tujuan sebenar Umno diwujudkan dan matlamat perjuangannya.

"Sebab itu kini jawatan-jawatan tertentu dalam Umno menjadi rebutan dan ada pertandingan hebat di kalangan ahli," jelasnya ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu, di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jenan, 13 km dari sini, pagi ini.

Oleh  
**NAZAR ABDUL**

Perdana Menteri dukacita kerana dalam keghairahan bertanding itu ada ahli Umno yang menggunakan cara di luar lunas demokrasi untuk memastikan kemenangan mereka.

## Demokrasi

"Saya menasihatkan ahli-ahli Umno supaya jangan terlalu ghairah bertanding merebut sesuatu jawatan sehingga lupa daratan dan menjelas kedudukan parti," tambahnya.

Menurutnya, sebagai parti yang mengamalkan demokrasi Umno perlu mempunyai pertandingan untuk memilih pemimpin-pemimpinnya, tetapi ia hendaklah dengan cara yang tertib serta mengikut perlem-

bagaan parti.

"Jangan kerana inginkan sesuatu tempat dalam parti ahli-ahli Umno sanggup berpecah-belah dan berselisih sesama sendiri," tegasnya.

Belliau memberi amaran jika berpecah-belah itu berterusan, kedudukan Umno dalam pilihanraya akan terjejas kerana parti menjadi lemah untuk menentang parti-parti lawan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, ahli-ahli Umno perlu mempunyai sifat sanggup berkorban demi kepentingan parti dan bangsa untuk membolehkan orang Melayu terus menikmati kebaikan dan kebahagiaan yang dirasakan sekarang.

## Pengorbanan

Katanya, tindakan menarik diri daripada sebarang pertandingan kerana tidak mahu parti

berpecah atau rosak adalah satu pengorbanan sejati dan akan menghasilkan kebahagiaan akhirnya.

Belliau memberitahu, orang-orang Melayu sering melakukan ibadat korban menjelang Hari Raya Haji dan ajaran berkorban itu patut diamalkan setiap masa demi kebaikan agama, bangsa dan negara.

Perdana Menteri berkata, beliau akan menyokong sesiapa sahaja yang menjadi pemimpin parti dan negara selepasnya.

Katanya, beliau bersedia mengundurkan diri sebagai pemimpin sekiranya ahli-ahli parti dan rakyat tidak mahukan kepemimpinannya.

"Kalau orang tidak suka buat apa kita tonjol diri, lebih baik berundur," katanya.

Menurut Perdana Menteri, seseorang pemimpin itu akan kekal jika terus mendapat sokongan dan kepercayaan ahli-ahli parti dan rakyat. "Tidak guna kita jadi pemimpin jika kita tidak mempunyai pengikut yang ramai," tegasnya.